



**PEKELILING PENGARAH TANAH
DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

BAHAGIAN 10

**PENDAFTARAN
HAKMILIK**

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KEDAH

WISMA NEGERI, 05576 ALOR SETAR



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 4 TAHUN 2009 (M)**

**TATACARA MEMPROSES DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN HILANG ATAU
KESELURUHAN ATAU SEBAHAGIANNYA TELAH MUSNAH ATAU DENGAN
TIDAK SEPATUTNYA ATAU DENGAN SALAHNYA DITAHAN**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menasihati dan memberi pemahaman kepada Pendaftar Surat – Surat Hakmilik Negeri Kedah serta Pentadbir – Pentadbir Tanah Daerah dan Penolong–Penolong Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah mengenai tatacara memproses permohonan di bawah Seksyen 166(1) (d) Kanun Tanah Negara 1965.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Seksyen 166 (1) (d) Kanun Tanah Negara telah memperuntukkan keadaan-keadaan di mana hakmilik sambungan boleh dikeluarkan kepada tanah secara keseluruhan iaitu sekiranya satu permohonan dibuat oleh tuan punya tanah atau mana-mana orang atau badan yang menuntut melalui tuan punya tanah di atas alasan bahawa dokumen hakmilik keluaran telah hilang, atau keseluruhannya atau sebahagiannya telah musnah atau dengan tidak sepatutnya atau dengan salahnya ditahan.

2.2 Menurut Seksyen 166 (3), permohonan bagi hakmilik sambungan dikeluarkan mestilah dibuat secara bertulis kepada Pendaftar atau Pentadbir Tanah dalam kes hakmilik Pejabat Tanah dan permohonan tersebut mestilah disokong dengan keterangan mengenai kehilangan, kemusnahan atau penahanan yang dikatakan sepertimana Pendaftar atau Pentadbir Tanah kehendaki.

2.3 Walau bagaimanapun, Seksyen 166 (3) tidak menyatakan bentuk keterangan yang diperlukan untuk menyokong permohonan tersebut. Oleh itu, Pendaftar dan Pentadbir Tanah mempunyai budi bicara untuk mengkehendaki apa-apa bentuk keterangan yang menyokong permohonan tersebut sebelum meluluskan permohonan tersebut.

2.4 Bagi menjamin keseragaman amalan pentadbiran diseluruh Negeri Kedah, Pendaftar atau Pentadbir Tanah Daerah adalah dinasihati untuk meminta pemohon sekadar memadai dengan mengemukakan akuan bersumpah menurut Akta Akuan Bersumpah 1960 bagi menyokong permohonan tersebut tanpa perlu disertakan apa-apa dokumen sokongan yang lain.

2.5 Selain itu, Pendaftar dan Pentadbir Tanah adalah diingatkan untuk mematuhi Seksyen 168 Kanun Tanah Negara semasa memproses permohonan bagi pengeluaran dokumen hakmilik sambungan.

3. PEMAKAIAN

3.1 Pemakaian Pekeliling ini adalah terhad kepada Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Negeri Kedah dan Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

(DATO' HJ. MUHAMMAD NOR BIN HAJI ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman.

No. fail : PTG/KED/U/33(P)/2009

Bertarikh : 02 Zulkaedah 1430

: 21 Oktober 2009



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 5 TAHUN 2012**

**PROSEDUR PENGELUARAN CARIAN PERSENDIRIAN DAN CARIAN RASMI
OLEH PENTADBIRAN TANAH NEGERI KEDAH**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk menasihati Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Negeri Kedah serta Pentadbir Tanah Daerah dan Penolong Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah mengenai prosedur pengeluaran Carian Persendirian dan Carian Rasmi di bawah Seksyen 384 dan Seksyen 385, Kanun Tanah Negara 1965.

LATAR BELAKANG

2.1 Peruntukan berhubung carian dimasukkan di dalam Kanun Tanah Negara 1965 untuk membolehkan mana-mana orang untuk mendapatkan daripada pentadbiran tanah butir-butir hakmilik atau dokumen tertentu berkenaan dengan kemasukan dalam sesuatu hakmilik. Maklumat terkini mengenai hakmilik selalunya dikehendaki sebelum sesuatu urusan dilaksanakan.

2.2 Menurut Seksyen 384 Kanun Tanah Negara 1965, carian persendirian boleh dibuat oleh orang itu sendiri semasa waktu pejabat Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah setelah membayar bayaran seperti yang ditetapkan dalam Aturan Tanah

Kedah 1966. Semasa membuat carian, ia boleh memeriksa, mengambil catatan-catatan dan cabutan-cabutan daripada mana-mana Dokumen Hakmilik Daftar, Buku Perserahan atau Buku Catatan Pembetulan dan mana-mana suratcara urusan atau permohonan yang diserahkan atau dibuat kepada atau dalam simpanan Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah.

2.3 Mengikut Seksyen 385 Kanun Tanah Negara, mana-mana atau orang bolehlah memohon kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah bagi mendapat carian rasmi bagi hakmilik. Setelah menerima permohonan itu beserta dengan bayaran yang ditetapkan dalam Aturan Tanah Kedah 1966, Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan kepada pemohon satu sijil carian yang ditandatangani olehnya.

2.4 Bagi menjamin kesahihan maklumat di dalam carian persendirian dan carian rasmi, Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah hendaklah terlebih dahulu memeriksa sijil carian tersebut dengan membandingkan hakmilik asal sebelum pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) yang terdapat di dalam simpanan Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah. Ini bertujuan untuk memastikan maklumat di dalam carian persendirian dan carian rasmi tersebut adalah tepat sepertimana yang tercatat di dalam hakmilik daftaran sebelum pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).

2.5 Pemeriksaan tersebut adalah penting bagi mengelakkan sebarang kesilapan berlaku terhadap carian persendirian dan carian rasmi yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar dan Pejabat Tanah yang mana kesilapan tersebut boleh mengakibatkan kerugian di pihak Kerajaan Negeri. Pembeli tanah atau apa-apa kepentingan di dalam tanah tersebut berhak terhadap pampasan seperti yang dipersetujui atau selaras dengan Seksyen 434 Kanun Tanah Negara 1965 sekiranya terdapat kesilapan atau ketinggalan di dalam sijil carian yang ditanggung olehnya.

3. PEMAKAIAN

3.1 Pemakaian Pekeliling ini adalah terhad kepada Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Negeri Kedah dan Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman

No. Fail : PTG.KED.U/33(P)/2009

Bertarikh : 26 Jamadilakhir 1433

: 20 Mei 2012



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 6 TAHUN 2012**

**SEKATAN TERHADAP PENYAKSIAN DAN PENDAFTARAN URUSNIAGA
TANAH PERTANIAN YANG BERKELUASAN KURANG 2/5 HEKTAR**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan menasihati Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Tanah Negeri Kedah dan Pentadbir Tanah Negeri Kedah berhubung sekatan terhadap penyaksian dan pendaftaran urusan bagi tanah pertanian yang mempunyai keluasan kurang 2/5 hektar.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kebelakangan ini pentadbiran tanah Negeri Kedah menghadapi situasi di mana tuan punya tanah yang mempunyai tanah pertanian berkeluasan sekurang-kurangnya 4/5 hektar menjalankan transaksi memindah milik tanah tersebut kepada pembeli sebanyak 2/5 hektar dan setelah transaksi tersebut didaftarkan pembeli tersebut kemudiannya memindah sebahagian daripada 2/5 hektar miliknya kepada pemilik asal. Sebagai contoh:-

“Tuan Tanah A memiliki tanah pertanian seluas satu (1) hektar, beliau kemudiannya memindah milik 2/5 hektar kepada B. Selepas pendaftaran pindahmilik tersebut, B

akan memindah milik 1/5 daripada 2/5 hektar yang telah didaftarkan ke atas namanya kepada A semula. Setelah itu, mereka akan memohon untuk memecah bahagian tanah bagi memiliki geran berasingan.”

2.2 Seksyen 205 (3) Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan seperti berikut:-

Section 205. Dealings capable of being effected, and persons capable of taking thereunder.

(3) *Subject to sub-section (4), no dealing in respect of any alienated land subject to the category “agriculture” or to any condition requiring its use for any agricultural purpose shall be effected if such dealing would have the effect of creating any undivided share of such size that, if the land is to be partitioned in proportion to the several shares, the area of any resulting individual portion would be less than two-fifths of a hectare.*

Seksyen tersebut jelas sekali menghalang urusan tanah pertanian yang memberikan kesan terhadap mana-mana keluasan bahagian yang tidak dipecahkan berukuran kurang 2/5 hektar.

2.3 Manakala Seksyen 205 (4) Kanun Tanah Negara 1965 menyatakan bahawa:-

Section 205. Dealings capable of being effected, and persons capable of taking thereunder.

(4) *The prohibition imposed by sub-section (3) shall not apply to those cases where upon the coming into force of the said sub-section, any alienated land or held by any person or body, is less than two-fifths of a hectare, or an undivided share in any alienated land held by any person or body represents a portion of less than two-fifths of a hectare, and dealings shall be capable of being effected in respect of such alienated land or undivided share therein:*

Provided that –

- (i) *any such dealing shall be in respect of **the whole of the alienated land** and shall be in favour of only one person or body; or*
- (ii) *any such dealing shall be in respect of **the whole of any undivided share** in any alienated land and shall be in favour of only one person or body, or one or more co-proprietors of the said land.*

Seksyen 205 (4) tersebut adalah merupakan pengecualian kepada pemakaian sub-seksyen (3) bagi tanah-tanah bermilik yang pada asalnya memang berkeluasan kurang daripada 2/5 hektar. Ini termasuk juga bahagian yang tak dipecahkan yang pada asalnya kurang daripada 2/5 hektar. Walau bagaimanapun, proviso sub-seksyen (4) telah menghadkan urusan hanya boleh dibuat kepada seorang atau satu badan sahaja dan ianya hendaklah melibatkan **keseluruhan bahagian yang tidak dipecahkan** tersebut dan tiada penambahan bilangan tuan punya bersama.

2.4 Sehubungan dengan itu, Pendaftar Surat-Surat Hakmilik dan Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah hendaklah memberikan perhatian terhadap perkara ini di mana sebarang penyaksian dan pendaftaran bagi transaksi urusan tersebut hendaklah ditolak.

3. PEMAKAIAN

3.1 Pekeliling ini adalah terhad kepada Pendaftar Surat-Surat Hakmilik dan Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah sahaja dan hendaklah dibaca bersama Pekeliling KPTG Persekutuan Bil. 11/1985.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman

No. Fail : PTG.KED.U/33(P)/2009

Bertarikh : 24 Rejab 1433

: 14 Jun 2012



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 7 TAHUN 2012**

**PROSEDUR PENGEMASKINIAN ALAMAT TUAN TANAH KE DALAM SISTEM
PENGURUSAN KUTIPAN HASIL TANAH (SUKHAT) SELEPAS PINDAHMILIK
DIDAFTAR KE DALAM SISTEM PENDAFTARAN TANAH BERKOMPUTER (SPTB)**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memberi panduan kepada Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Negeri Kedah serta Pentadbir Tanah Daerah dan Penolong Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah mengenai prosedur pengemaskinian alamat tuan tanah ke dalam Sistem Pengurusan Kutipan Hasil Tanah (SUKHAT) selepas pindahmilik di daftar ke dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada masa kini Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah serta seluruh Pejabat Tanah Negeri Kedah telah menggunakan kaedah separa automatik bagi tujuan pengemaskinian perubahan maklumat hakmilik antara Sistem Pengurusan Kutipan Hasil Tanah (SUKHAT) dan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB).

2.2 Melalui kaedah ini, satu '*intermediate server*' diwujudkan untuk menjalankan beberapa aktiviti seperti mendapatkan data yang melibatkan perubahan maklumat pada hakmilik dan cukai ke dalam satu fail lain dan seterusnya mengemaskini

maklumat tersebut ke dalam Sistem Pengurusan Kutipan Hasil Tanah (SUKHAT). Proses tersebut tidak berlaku secara automatik dan ianya memerlukan seorang kakitangan untuk melaksanakannya. Pelaksanaan proses tersebut boleh menyumbang kepada kesilapan yang disebabkan oleh kesalahan manusia (human error) dan komplikasi akan timbul jika melibatkan pengemaskinian maklumat yang banyak.

2.3 Bagi mengatasi masalah ini, semua Pejabat Tanah Negeri Kedah hendaklah mematuhi dan mengawal pelaksanaan tatacara kerja pengemaskinian rekod di dalam Sistem Pengurusan Kutipan Hasil Tanah (SUKHAT) seperti yang dicadangkan seperti di Lampiran A-1.

2.4 Bagi semua urusan pindahmilik di Pejabat Pengarah tanah dan Galian Negeri Kedah, pengemaskinian rekod ketuanpunyaan dan alamat hendaklah dilakukan di pejabat pindahmilik berlaku iaitu di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah. Seterusnya pengemaskinian rekod ketuanpunyaan dan alamat di dalam Sistem Pengurusan Kutipan Hasil Tanah (SUKHAT) hendaklah dilaksanakan oleh Bahagian Hasil, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah.

3. PEMAKAIAN

3.1 Pemakaian Pekeliling ini adalah terhadap kepada Pendaftar Surat-Surat Hakmilik Negeri Kedah dan Pentadbir Tanah Daerah Negeri Kedah.

4. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian


Negeri Kedah Darul Aman

No. Fail : PTG.KED.U/33(P)/2009

Bertarikh : 22 Sya'aban 1433

: 12 Julai 2012

Standard Operating Procedure (SOP) Untuk Pengemaskinian Alamat Tuan Tanah Ke Dalam Sistem Hasil (SUKHAT) Selepas Pindahmilik di Daftar Ke Dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB)





**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 9 TAHUN 2012**

**PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK TANAH YANG TERTAKLUK
SEKATAN KEPENTINGAN DI DALAM HAKMILIK**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menasihati Pentadbiran Tanah Negeri Kedah berhubung permohonan kebenaran untuk memindah milik tanah tertakluk kepada sekatan kepentingan di dalam hakmilik tersebut.

2. PELAKSANAAN

2.1 Bagi hakmilik yang mempunyai sekatan kepentingan bahawa kebenaran Menteri Besar adalah diperlukan bagi memindahmilik tanah tersebut, permohonan hendaklah menggunakan Sistem e-Consent. Selain itu, hakmilik yang tertakluk kepada sekatan kepentingan yang menyatakan pindahmilik tidak boleh dibuat kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri, permohonan kebenaran tersebut hendaklah diproses melalui penyediaan kertas kerja kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2.2 Ini adalah untuk memastikan bahawa kebenaran diberikan adalah selaras dengan sekatan kepentingan yang dikenakan terhadap hakmilik terlibat. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran Tanah hendaklah memastikan bahawa permohonan tersebut diproses mengikut saluran yang betul.

3. PEMAKAIAN

3.1 Pekeliling ini adalah terhad kepada Pentadbiran Tanah Daerah Negeri Kedah.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

(DATO' HJ. MUHAMAD NOR BIN HJ. ROFIE, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman.

No. Fail : PTG/KED/U/33(P)/2009

Tarikh : 17 Zulkaedah 1433

: 03 Oktober 2012



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BILANGAN 2 TAHUN 2016**

**PELAKSANAAN PENYERAGAMAN PROSES URUSNIAGA DAN BUKAN
URUSNIAGA DI BAHAGIAN PENDAFTARAN PEJABAT-PEJABAT TANAH
DALAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini dikeluarkan bagi tujuan pemakluman kepada Pentadbiran Tanah dan pihak yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelaraskan semua urusan di kaunter-kaunter pejabat tanah daerah di Negeri Kedah.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Urusan Pendaftaran Pentadbiran Tanah Negeri Kedah yang bersidang pada 21 April 2016 berhubung dengan Pelaksanaan Penyeragaman Proses Urusniaga Dan Bukan Urusniaga Di Bahagian Pendaftaran Pejabat-Pejabat Tanah telah menetapkan beberapa garis panduan bagi tujuan penyelarasan.

3. PENGGUNAAN MESIN TAIP ELEKTRIK

3.1 Cetakan atau tulisan bertaip dengan menggunakan mesin taip elektrik bagi mengisi semua borang adalah **tidak dibenarkan**.

4. BAYARAN DOKUMEN BAGI URUSAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

a. Fi bagi bayaran dokumen-dokumen daripada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) telah diputuskan mengikut urusan dan kadar seperti berikut–

- | | |
|--|---|
| (a) Urusan melepaskan gadaian (perlu disetemkan) | - Tiada bayaran dikenakan/ pengecualian |
| (b) Gadaian (perlu disetemkan) | - Tiada bayaran dikenakan/ pengecualian |
| (c) Surat Kuasa Wakil (PA) | - RM20.00 |
| - bagi setiap 1 PA | |
| (d) Tukar nama | - RM50.00 |

[Contoh-contoh borang yang perlu dikemukakan seperti di Lampiran 1]

5. TEMPOH CARIAN RASMI

5.1 Semua tempoh urusan Carian Rasmi untuk kegunaan rasmi telah ditetapkan seperti di bawah:

- | | |
|----------------------------|--------------------------------------|
| (a) Perseorangan | Dalam tempoh satu (1) hari bekerja |
| (b) Syarikat/ Firma Guaman | Dalam tempoh satu (1) minggu bekerja |
| (c) Kerajaan | Dalam tempoh satu (1) minggu bekerja |

5.2 Tempoh urusan ini adalah tertakluk kepada carian rasmi bagi satu hakmilik.

6. KADAR BAYARAN BORANG

6.1 Semua bayaran untuk pembelian borang telah ditetapkan sebanyak RM6.00 setiap salinan.

7. PEMAKAIAN

7.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada Pendaftar dan Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Kedah Darul Aman.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

8.1 Berkuat kuasa serta merta.

(DATO' HAJI NOH BIN HAJI DAHYA, DSDK., AMK., BCK., BPL.)

Pengarah Tanah Dan Galian

Negeri Kedah Darul Aman.

No. Fail : PTG.KED.U/33(P)/2009

Bertarikh : 29 hb. Syaaban, 1437

05 hb. Jun, 2016

LAMPIRAN 1
(PEKELILING PTG: 2/2016)

(LPPSA/30A/1.2016)

Kanun Tanah Negara

Borang 30A

(Seksyen 415 (1) (a))

PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN PERLETAKHAKAN
STATUTORI KEPENTINGAN BERDAFTAR
MENGENAI TANAH

Bahawasanya
beralamat di **NO.9, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 2, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62592 PUTRAJAYA**
adalah *tuanpunya/pemegang kepentingan berdaftar mengenai tanah yang diperihalkan dalam
jadual dibawah:

Di sini masukkan
nama tuan punya
/pemegang.

Dan bahawasanya menurut kuasa seksyen **SEKSYEN 4, AKTA LEMBAGA PEMBIAYAAN
PERUMAHAN SEKTOR AWAM**

Di sini masukkan
undang-undang
berkenaan.

kepentingan berdaftar mengenai tanah yang tersebut yang diperihalkan dalam jadual di bawah telah
terletak pada saya/kami:

Maka oleh yang demikian, saya/kami **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
(THE PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD)**

Di sini masukkan
nama pemohon.

beralamat di **NO.9, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 2, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62592 PUTRAJAYA**

dengan ini memohon supaya kepentingan berdaftar mengenai tanah yang tersebut didaftarkan atas
nama saya menurut perletakhakan statutori pada saya yang dinyatakan di atas.

*2. Saya lampirkan bersama ini dokumen hakmilik keluaran berkenaan dengan tanah yang mana
kepentingan berdaftarannya yang dinyatakan di atas adalah terletak pada saya.

*3. Dokumen hakmilik keluaran berkenaan dengan tanah tersebut dipegang oleh
beralamat di **NO.9, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62592 PUTRAJAYA** disebabkan beliau adalah **PEMANGG GADAIAN**
dan beliau gagal untuk menyerahkan kepada saya walaupun telah diminta oleh saya secara bertulis
untuk berbuat demikian. Salinan-salinan surat-menyurat berhubung dengan permintaan
tersebut difampirkan bersama ini.

Di sini masukkan
nama.

Di sini masukkan
sama ada dokumen
hakmilik keluaran
dipegang sebagai
tuanpunya/pemegang
gadaian/pemegang
lien/pemegang surat
kuasa wakil atau
apa-apa hal keadaan
lain.


*4. Saya telah bertanya tuanpunya tanah yang diperihalkan dalam jadual di bawah dan telah
diberitahu bahawa dokumen hakmilik keluaran itu tidak diketahui di mana berada, dan saya tidak
dapat mencarinya.


Bertarikh pada **09 MAY 2016** haribulan 20...

Surat Kuasa Wakil:

No. Perserahan :

Bertarikh :


NOOR ASPALIZA BINTI OMAR
680922-02-5436
ASSISTANT OFFICER, GRANT RELEASE UNIT
MORTGAGE DEPARTMENT
PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD


CHE MALIKI BIN NGAH
851015-11-5093
HEAD OF UNIT, GRANT RELEASE
MORTGAGE DEPARTMENT
PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD

Tandatangan (atau bentuk lain penyempurnaan oleh)

*pemohon/orang yang diberikuasa secara sah
untuk bertindak bagi pihak pemohon

CATATAN: Jika tandatangan atau bentuk lain penyempurnaan itu adalah oleh orang yang diberikuasa
secara sah untuk bertindak bagi pihak pemohon, sifat kuasanya dan bagaimana ia diperolehi
perlu dinyatakan di bawah tandatangan tersebut.

LAMPIRAN 1
(PEKELILING PTG: 2/2016)

JADUAL

Jika alamat orang yang menuntut di bawah perletakhakan statutori ini di luar Persekutuan, maka suatu alamat di dalam Persekutuan bagi penyampaian notis, hendaklah ditambah dalam ruang ini.					
.....					
.....					
.....					
JADUAL KEPENTINGAN BERDAFTAR MENGENAI TANAH					
*Bandar/ Pekan/Mukim	*No. Lot/ Petak/P.T.	Perihal dan No. Hakmilik	PERIHALAN KEPENTINGAN BERDAFTAR		
			*Tuanpunya atau tuanpunya bersama (jika tuanpunya bersama, nyatakan bahagian yang tak dipecahkan)	*Penerima pajak atau penerima pajak kecil (nyatakan nombor berdaftar pajak/ pajak kecil)	*Pemegang gadaian (nyatakan nombor pendaftaran gadaian)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

Saya ~~*berpuashati / tidak berpuashati~~ ~~berpuashati~~ bahawa perletakhakan statutori kepentingan berdaftar mengenai tanah yang berkenaan dengannya permohonan ini telah dibuat bagi faedah pemohon

- *(a) dan mengarahkan supaya dibuat pendaftaran kepentingan berdaftar tersebut dalam nama pemohon;
- *(b) ~~atas sebab-sebab berikut~~

dan, dengan demikian itu, permohonan ditolak.

T.M.

*potong mana-mana yang berkenaan

LAMPIRAN 1
(PEKELILING PTG: 2/2016)

3

Kami, **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (THE PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD)** satu badan berkanun yang tertubuh di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 yang beralamat di Perbendaharaan Malaysia, No. 9, Kompleks Kementerian Kewangan, Persiaran Perdana, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62592 Putrajaya, menerima gadaian ini.

Surat Kuasa Wakil:- **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (THE PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD)**
Oleh wakilnya :-

No. Pers :

Bertarikh :

Nur
NUR MAZIDAH BINTI JAMALUDIN
860410-56-6390
EXECUTIVE, PROCESS & ADMINISTRATION
MORTGAGE DEPARTMENT
PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD

Abdul Shukor Bin Abdul Jabbar
ABDUL SHUKOR BIN ABDUL JABBAR
54203-01-5201
SENIOR OFFICER / PROCESS & ADMINISTRATION
MORTGAGE DEPARTMENT
PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD

Tandatangan (atau lain-lain cara penyempurnaan)
oleh atau bagi pihak pemegang gadaian

Saya,

Di sini masukkan
nama penuh dan
kelayakan orang
yang
menyaksikan.

dengan ini mengaku bahawa *tandatangan/cap ibujari yang di atas itu telah *ditulis/dicapkan
dihadapan saya pada 26 APR 2016 dan adalah *tandatangan/cap
ibujari yang benar bagi:-

adalah wakil-wakil kuasa bagi **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR
AWAM (THE PUBLIC SECTOR HOME FINANCING BOARD)**

yang telah mengaku kepada saya:-

- (i) bahawa ia/mereka adalah cukup umur,
- * (ii) bahawa ia/mereka adalah warganegara Malaysia,
- (iii) bahawa ia/mereka telah menyempurnakan suratcara ini dengan kerelaan hatinya sendiri; dan
- (iv) bahawa ia faham akan kandungan serta natijahnya.

Disaksikan dengan tandatangan saya pada 26 APR 2016

.....
Tandatangan